

4 faktor kekalahan BN di Kelantan — Mahfuz

UM - 2 DEC 1999

JOHOR BAHRU 1 Dis. — Kekalahan Barisan Nasional (BN) di Kelantan dan Terengganu disebabkan empat faktor, kata Ketua Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar seperti yang dilaporkan oleh *Berita Harian* *Singapura* hari ini.

Beliau berkata, faktor pertama ialah individu dalam UMNO yang dipilih sebagai calon wakil rakyat manakala kedua ialah sikap bermegah-megah parti itu terhadap projek mega.

Menurut beliau, amalan kronisme dan rasuah pula menimbulkan perasaan kurang senang kakitangan kerajaan, begitu juga layanan kerajaan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun kata beliau, pemimpin BN enggan menerima hakikat itu, malah ramai di antara mereka yang berpura-pura tidak mengendahkan gejala itu.

Selain itu, *Berita Harian* *Singapura* turut mengulas

kekalahan BN di dua negeri itu berpunca daripada serangan UMNO terhadap ulama yang dianggap pemimpin.

Menurut akhbar itu tuduhan bahawa Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat sebagai pemimpin fanatik dan telah membohongi penyokong merupakan satu penghinaan.

Menurut laporan itu, perasaan seperti itu mencecutkan gelombang kesedaran politik baru di kalangan orang Melayu.

Kata Mahfuz, beberapa pemimpin BN yang lain telah memberikan gambaran yang keliru kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN.

Menurutnya, Dr. Mahathir telah diberikan gambaran bahawa jentera parti telah dapat mengembalikan keyakinan dan sokongan rakyat terhadap kerajaan.

Akhbar itu turut memem-

titik kenyataan Timbalan Presiden Keadilan Nasional (Keadilan), Dr. Chandra Muzaffar bahawa pemikiran orang Melayu yang semakin bergelora memang mahu perubahan.

Laooran itu menyebut, kehabiran Tengku Razaleigh Hamzah yang giat berkempen sambil menyuarakan kebimbangan bahaya perpecahan Melayu telah mengubah suasana di Kelantan.

Ia menampakkan peluang BN kembali berkuasa di negeri itu sebagai cerah.

Bagaimanapun, kempen pilihan raya BN melalui iklan dalam akhbar-akhbar utama serta televisyen dan radio 'merosakkan usaha Ku Li'.

Menurut akhbar itu lagi, kemuncak kemarahan itu diluahkan melalui peti undi yang membawa kepada tumbangnyanya beberapa menteri, timbalan menteri serta 'orang kanan' BN.